

Pengetahuan Kakitangan Akademik Politeknik Seberang Perai Terhadap Pembayaran Zakat Pendapatan

Wan Mohd Rushdi W.A.Lah^{1*}, Mohd Ghadafi Shari¹

¹Department of Commerce, Politeknik Seberang Perai, Jalan Permatang Pauh 13500, Permatang Pauh, Pulau Pinang

***Corresponding author E-mail:** rushdi@psp.edu.my

Abstrak

Secara amalan di Malaysia, wang dan harta zakat pendapatan yang dibayar akan diagihkan kepada asnaf-asnaf yang layak oleh pusat zakat atau baitulmal. Isu ini menjadi satu polemik dan menimbulkan persoalan khususnya dalam keperluan pembayaran zakat pendapatan. Objektif Kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor pengetahuan, faktor promosi dan kaedah pembayaran zakat pendapatan yang melibatkan seramai 100 responden di kalangan kakitangan akademik Politeknik Seberang Perai. Justeru, artikel ini juga akan menekankan implikasi penyelidikan, limitasi dan memberi beberapa cadangan bagi memastikan pengetahuan dan kesedaran pembayaran zakat ini mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Islam untuk penyelidikan pada masa hadapan. Dapatan kajian dijangkakan akan memberikan satu lagi dimensi baru dalam memberi maklumat pembayaran zakat ini secara lebih efektif dan mudah.

Kata Kunci: pengetahuan; maklumat zakat pendapatan

1.0 PENDAHULUAN

Zakat merupakan suatu tuntutan agama dan merupakan rukun Islam yang ketiga wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Perlaksanaan zakat berterusan sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. Zakat dapat diterjemahkan suatu proses penyucian diri, harta dan masyarakat (Hairunnizam, Mohd Ali & Sanep, 2005). Zakat juga bermakna suatu pemindahan harta tertentu kepada individu tertentu di bawah keadaan tertentu.

Tujuan utama setiap umat Islam diwajibkan berzakat bagi menjadikan manusia lebih bernilai dari harta (Qardawi, 2007). Terdapat 8 golongan yang berhak menerima zakat seperti yang telah ditetapkan dalam Islam. Mereka adalah golongan fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, orang yang berhutang (yang dibenarkan agama), fisabilillah dan musafir (yang terputus bekalan). Ini selaras dengan kandungan Surah At-Taubah ayat 60 (Ibnu Kathier, 2007).

Zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat harta terdiri daripada zakat hasil ternakan, zakat hasil pertanian, zakat tanaman, zakat perniagaan, zakat emas dan perak, zakat galian, zakat wang simpanan, zakat koperasi, zakat saham, dan zakat pendapatan (Sarimah Hanim, 2006).

Pengkaji telah mengenal pasti terdapat pelbagai masalah yang berkaitan dengan pengetahuan dan keperluan zakat pendapatan yang perlu ditunaikan. Masih terdapat sebilangan kecil setiap individu muslim yang masih tidak memahami kewajipan menunaikan zakat pendapatan . Perkara ini dapat diatasi jika setiap individu muslim itu sedar dan memahami tentang kewajipan menunaikan zakat pendapatan.

2.0 ULASAN KARYA

Kajian utama mengenai zakat pendapatan di Malaysia telah dibuat oleh Mujaini Tamirin. Beliau juga bersetuju dengan pendapat al-Qaradawi mengenai penggunaan emas sebagai sandaran nisab, manakala mengenai hawl pula beliau cenderung kepada pandangan tiada dikenakan hawl pada pengiraan, bahkan beliau berpendapat bahawa hawl adalah mekanisme bagi menyatukan pendapatan sejenis untuk ditaksirkan bersama walau kuantiti nisab tidak bersambungan (Tamirin, 1997).

Terdapat juga beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu tidak membayar zakat pendapatan. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi adalah gelagat, sikap, pengaruh sosial dan persepsi sama ada mudah atau sukar untuk membayar zakat kepada pejabat zakat seperti yang dinyatakan di dalam kajian oleh (Al-Jaffri, Zainol, Kamil, Hairi 2007).

Berdasarkan (Al-Jaffri et al. 2007), zakat pendapatan adalah penting kepada negara dan muslim di Malaysia. Kerajaan dan pihak berkuasa zakat negeri telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi menyedarkan masyarakat tentang pentingnya kewajipan menunaikan zakat pendapatan.

Pembayaran zakat pendapatan terjejas berpunca daripada kekurangan dalam pengetahuan serta ilmu berkaitan zakat pendapatan. Menurut (Ishak, Izzatul, Rizuan, 2016), jika seseorang tidak faham dalam sesuatu perkara maka individu itu tidak akan membuat apa-apa tindakan. Oleh itu, pendidikan berkenaan zakat dilihat satu medium bagi meningkatkan bilangan pembayar zakat pendapatan.


Mengikut kajian daripada (Zaharah, Hashim, Habsah, Syed Mohd Azmi, 2010) pula mendapati bahawa kebanyakan individu bertanggapan bahawa zakat pendapatan adalah sama seperti derma dan sedekah. Ini membawa kepada perniaga lebih cenderung untuk membayar cukai daripada menunaikan kewajipan zakat pendapatan.

3.0 SOROTAN KAJIAN

Beberapa perkara akan dibincangkan bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran pembayaran zakat pendapatan pada 100 kakitangan akademik Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

Perbincangan yang dibuat akan dimulai dengan penerangan mengenai zakat serta pembahagiannya dan akan diteruskan dengan faktor yang menyebabkan masyarakat Muslim sedar untuk membayar zakat pendapatan. Seterusnya, mengenai promosi yang terdiri daripada perancangan dalam strategi untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat pendapatan. Dan juga menyentuh aspek pembayaran iaitu kaedah seperti van bergerak, kad kredit Islamik dan potongan gaji.

Seperti yang ditunjukkan dalam model di Rajah 3.1, ia menyatakan bahawa rangka kerja teori logik akal hubungan diantara beberapa faktor yang telah dikenalpasti dimana ia menghubungkan diantara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Dalam penyelidikan ini, kerangka teori terbentuk seperti gambar rajah dibawah:



Rajah 3.1: Tiga Faktor Kesedaran Pembayaran Zakat Pendapatan

3.1 Faktor Pengetahuan Terhadap Pembayaran Zakat Pendapatan

Menurut (Nur Azura, 2005), dalam kajian beliau menyatakan “harta yang kian berkembang akan dikenakan zakat, maka telah berlakunya perluasan kewajipan ruang zakat daripada harta-harta yang berkembang selain daripada lima jenis harta yang telah diamalkan oleh Rasulullah S.A.W”. Oleh sebab itu, kebanyakan negeri mewajibkan pembayaran zakat pendapatan yang perlu ditunaikan oleh individu yang beragama Islam. (Nur Azura, 2005), seterusnya menghujahkan bahawa jumlah kutipan zakat pendapatan di daerah-daerah kecil mencatatkan peningkatan kadar peratusan pembayaran zakat pendapatan. Pendapat ini selari dengan (Lusiana, 2012) pemahamannya yang kurang mengenai jenis harta yang wajib dizakatkan dan mekanisme pembayaran yang telah dituntutkan dalam Islam serta menyebabkan perlaksanaan ibadah zakat penting kepada individu masing-masing.

Dapatan kajian (Kamil, 2009) menjelaskan bahawa seseorang yang cenderung kepada kepatuhan membayar zakat pendapatan apabila mereka mempunyai aras pengetahuan yang tinggi dalam taksiran zakat pendapatan. Beliau juga berpendapat bahawa ilmu pengetahuan menentukan bagaimana amalan perlu dilaksanakan. Mereka yang berilmu akan menjadi lebih patuh kepada sesuatu peraturan. Hasil yang serupa diperoleh dalam persekitaran zakat menegaskan bahawa ilmu pengetahuan dapat mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung melalui tingkah laku dan perubahan sikap seseorang terhadap sesuatu isu.

3.2 Faktor Promosi Mengenai Zakat Pendapatan

Dalam membantu meningkatkan kadar peratusan pembayaran zakat pendapatan, pusat zakat perlu mewujudkan promosi yang efektif untuk menggalakkan masyarakat Islam untuk membayar zakat pendapatan. Promosi merupakan satu instrumen yang penting untuk menguar-uarkan kepada masyarakat yang beragama Islam.

(Kamil, 2009), menghujahkan bahawa pendedahan mengenai promosi zakat kepada seseorang berkait rapat dengan kepatuhan bayaran zakat. Secara langsung atau tidak langsung, promosi zakat berperanan dalam membina sikap dan kefahaman individu mengenai zakat dan ia dapat menimbulkan kesedaran untuk mematuhi bayaran zakat. Beliau seterusnya, alat yang sering digunakan untuk menarik minat masyarakat Islam supaya membayar zakat ialah melalui iklan dan promosi.

Secara kesimpulannya, pendedahan kepada promosi zakat dapat mempengaruhi tingkah laku individu terhadap kepatuhan zakat pendapatan. Lebih tinggi aras pendedahan umat Islam kepada pelbagai promosi zakat maka lebih berpotensi untuk mereka membayar zakat pendapatan.

3.3 Faktor Kaedah Pembayaran Zakat Pendapatan

Kini, zakat pendapatan sering kali menjadi isu bukan sahaja di negara Malaysia tetapi negara-negara Islam yang lain. Dalam membantu meningkatkan jumlah kutipan zakat pendapatan, terdapat sesetengah perkara yang perlu dilaksanakan antaranya ialah dengan mempelbagaikan kaedah pembayaran zakat pendapatan dan kaedah tersebut mestilah dapat menarik pembayar zakat untuk menunaikan zakat pendapatan.

Sehubungan itu, teknologi moden pada masa kini adalah sangat diperlukan kerana ia dapat mempelbagaikan kaedah pembayaran serta dapat meningkatkan pengurusan dan kecekapan pihak pengurusan zakat. Antaranya teknologi moden yang telah diwujudkan untuk memudahkan urusan pembayaran zakat pendapatan ialah melalui perbankan internet, mesin kiosk, mesin ATM (tunai dan cek), booth, E-pay dan sebagainya.

4.0 ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN BERDASARKAN KAEDAH PENGUMPULAN DATA PRIMER

Jadual 4.1 : Faktor Pengetahuan

| No Soalan | Penyertaan Soalan | Peratusan (%) | | | | | Skor | Min Tahap |
|-----------|---|---------------|-----|------|------|------|------|-----------|
| | | STS | TS | SD | S | SS | | |
| 1 | Saya mengetahui zakat pendapatan wajib dibayar oleh umat Islam. | 0.0 | 1.0 | 1.0 | 15.0 | 83.0 | 4.80 | Tinggi |
| 2 | Saya mengetahui zakat pendapatan bukan satu sedekah individu. | 0.0 | 1.0 | 7.0 | 31.0 | 61.0 | 4.52 | Tinggi |
| 3 | Saya sedar bahawa Fatwa Kebangsaan telah mewajibkan zakat pendapatan | 0.0 | 3.0 | 17.0 | 27.0 | 53.0 | 4.30 | Tinggi |
| 4 | Saya mengetahui zakat pendapatan merangkumi gaji, bonus, elaun, upah dan sebagainya | 0.0 | 1.0 | 8.0 | 25.0 | 66.0 | 4.56 | Tinggi |
| 5 | Saya menyedari bahawa mengeluarkan zakat pendapatan adalah tuntutan agama | 0.0 | 1.0 | 3.0 | 17.0 | 79.0 | 4.74 | Tinggi |
| 6 | Saya memahami bahawa zakat pendapatan harus dikeluarkan oleh individu yang bekerja dan berpendapatan tetap. | 0.0 | 1.0 | 6.0 | 22.0 | 71.0 | 4.63 | Tinggi |
| 7 | Saya mengetahui saya wajib mengqada' zakat bagi pengeluaran yang tidak ditunaikan pada tahun sebelumnya. | 0.0 | 7.0 | 16.0 | 33.0 | 44.0 | 4.14 | Tinggi |
| 8 | Zakat pendapatan dapat membantu | 0.0 | 3.0 | 7.0 | 34.0 | 56.0 | 4.43 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|-------------------|--|-----|-----|-----|------|------|-------|--------|
| 9 | meringankan beban golongan asnaf. Zakat pendapatan merupakan kunci kepada keberkatan hidup individu dan bersikap menyeluruh. | 0.0 | 0.0 | 1.0 | 29.0 | 70.0 | 4.69 | Tinggi |
| 10 | Maklumat dan pendidikan mengenai zakat pendapatan perlu ditekankan kepada umat Islam | 0.0 | 1.0 | 2.0 | 24.0 | 73.0 | 4.69 | Tinggi |
| 11 | Saya menyedari bahawa pembayaran zakat pendapatan mestilah dari sumber yang halal. | 0.0 | 0.0 | 2.0 | 21.0 | 77.0 | 4.75 | Tinggi |
| Min Purata | | | | | | | 4.568 | Tinggi |

Pada bahagian ini, terdapat 11 item yang telah dikemukakan. Item pertama mencatatkan nilai min tertinggi sebanyak 4.80 dan 83% kakitangan akademik sangat bersetuju bahawa pembayaran zakat pendapatan wajib dibayar oleh umat Islam.

Jadual 4.2 : Objektif 2 – Kaedah Pembayaran

| No Soalan | Penyertaan Soalan | Peratusan (%) | | | | | Min | |
|-----------|--|---------------|-----|------|------|------|------|--------|
| | | STS | TS | SD | S | SS | Skor | Tahap |
| 1 | Saya lebih cenderung memilih pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji. | 3.0 | 2.0 | 4.0 | 15.0 | 76.0 | 4.59 | Tinggi |
| 2 | Saya mengetahui pembayaran zakat pendapatan menerusi E-Pay lebih menjimatkan masa. | 2.0 | 5.0 | 25.0 | 37.0 | 31.0 | 3.90 | Tinggi |
| 3 | Saya pasti bahawa kaedah pembayaran seperti “ <i>Phone Banking</i> ” merupakan satu inisiatif teknologi moden untuk membayar | 3.0 | 3.0 | 23.0 | 47.0 | 24.0 | 3.86 | Tinggi |

| | | | | | | | | |
|----|---|-----|-----|------|------|------|------|--------|
| | zakat pendapatan. Saya mengetahui bahawa kutipan | | | | | | | |
| 4 | zakat pendapatan melalui kaunter zakat lebih selesa Saya tahu penyerahan zakat pendapatan juga boleh dilakukan secara terus kepada asnaf tanpa melalui amil. | 2.0 | 8.0 | 18.0 | 40.0 | 32.0 | 3.92 | Tinggi |
| 5 | Saya sedar bahawa kaedah penggunaan kad debit dan kad kredit Islamik dapat memudahkan urusan pembayaran zakat pendapatan. | | | | | | | |
| 6 | Saya tahu pembayaran zakat pendapatan menggunakan perbankan internet dapat meningkatkan kadar kutipan zakat pendapatan. | 1.0 | 9.0 | 20.0 | 45.0 | 25.0 | 3.84 | Tinggi |
| 7 | Kepelbagaian saluran pembayaran zakat pendapatan dapat meningkatkan jumlah pembayaran zakat pendapatan. | 0.0 | 2.0 | 13.0 | 49.0 | 36.0 | 4.19 | Tinggi |
| 8 | Kutipan zakat pendapatan boleh dibuat melalui individu serta amil yang dilantik. | 0.0 | 0.0 | 6.0 | 42.0 | 52.0 | 4.46 | Tinggi |
| 9 | Kaedah pembayaran yang mudah membantu masyarakat Muslim | 0.0 | 0.0 | 3.0 | 40.0 | 57.0 | 4.54 | Tinggi |
| 10 | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | |
|-------------------|---|-----|-----|------|------|------|-------|--------|--|
| | untuk membayar zakat pendapatan. Potongan bank merupakan salah satu kaedah | | | | | | | | |
| 11 | pembayaran zakat pendapatan. Saya tahu bahawa pembayaran zakat pendapatan melalui penerimaan cek adalah di galakkan. | 1.0 | 1.0 | 12.0 | 43.0 | 43.0 | 4.26 | Tinggi | |
| 12 | Saya mengetahui bayaran zakat pendapatan boleh dibayar melalui pejabat pos, bank dan institusi pengajian. | | | | | | | | |
| 13 | Insentif rebat cukai yang diberi oleh kerajaan mendorong masyarakat Islam untuk membayar zakat pendapatan. | 1.0 | 5.0 | 27.0 | 31.0 | 36.0 | 3.96 | Tinggi | |
| 14 | | 1.0 | 3.0 | 9.0 | 34.0 | 53.0 | 4.35 | Tinggi | |
| Min Purata | | | | | | | 4.163 | Tinggi | |

Bahagian ini mengandungi 14 soalan yang dikemukakan iaitu item pertama mencatatkan nilai min tertinggi sebanyak 4.59 dimana 76% kakitangan akademik sangat bersetuju bahawa responden lebih cenderung memilih untuk membayar zakat pendapatan melalui potongan gaji kerana ia dapat menjimatkan masa dan memudahkan urusan responden.

5.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ini telah berjaya mengenal pasti elemen–elemen penting tentang kesedaran pembayaran zakat pendapatan di kalangan 100 responden kakitangan akademik Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Antara elemen yang dikenalpasti adalah segelintir kakitangan akademik kurang menyedari dan berpengatahuan bahawa pembayaran zakat pendapatan melalui penerimaan cek adalah digalakkan. Faktor responden kurang berkeyakinan untuk menggunakan kaedah pengeluaran cek bagi pembayaran zakat disebabkan oleh responden tidak dapat memastikan sistem pengurusan cek dijalankan secara telus dan cekap.

Disini dapat disimpulkan bahawasanya kakitangan akademik memerlukan lebih pendedahan mengenai penggunaan atau pengeluaran cek dalam membuat pembayaran zakat pendapatan. Dengan adanya pendedahan mengenai penggunaan penerimaan cek oleh pusat zakat dapat membantu meningkatkan pengetahuan kakitangan akademik dalam membuat pembayaran zakat pendapatan. Hasil dapatan kajian ini dapat memberi kesedaran kepada kakitangan akademik Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dalam meningkatkan jumlah kutipan zakat pendapatan dengan memanfaatkan pelbagai kaedah pembayaran zakat pendapatan pada masa kini, selain daripada menggunakan sistem teknologi dan membuat pembayaran melalui kaunter pusat zakat itu sendiri.

Rumusannya, kesibukan bekerja dan tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat pembayaran zakat pendapatan bukan satu penghalang kepada umat Islam untuk membuat pembayaran zakat pendapatan, tetapi disebabkan oleh faktor pengetahuan, faktor promosi serta kaedah pembayaran adalah menjadi penyebab utama mengapa ramai kakitangan membuat pembayaran zakat pendapatan.

6.0 RUJUKAN

- Abdul Al-Rahman, Zaki Ibrahim. 1998. *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Syafi'i Khatib. 2005. *Hikmah Zakat Rukun 3*. Jasmin Enterprise.
- Ali Akhbar Osman. 1996. *Mengapa Perlu Membayar Zakat*. Al-Hidayah Publishers
- Asyraf Hj. Ab. Rahman et al. 2008. *Islam Dan Ekonomi* : Universiti Malaysia Terengganu.
- Kamil Md. Idris. 2009. *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Kajian* .Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
- Mat Hassan Abu Bakar. 2003. *Apa itu Ekonomi Islam* : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mukesh Kumar et al. 2013. *Business Research Method* : Oxford University Press.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional* : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab, Nor Fadzlin Mohammad Bahar. 2005 *Gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan :Kajian kes UUM*. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Penyelidikan Universiti, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Ali Mohd Nor , Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md. Noret al. 2004. *Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Dikalangan Professional Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jurnal Islamiyyat Jilid 26 Bil 2 ,Universiti Kebangsaan Malaysia
- BERNAMA (2012, Januari). *Mengqada Zakat Pendapatan*. Dimuat turun daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0113&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_06.htm
- Mohd Rais Alias (2015,Julai). *Zakat Melalui Potongan Gaji Dapat Sambutan Menggalakkan*. Dimuat turun daripada <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/07/19/zakat-potong-gaji/>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2015,Oktober). *Keberkatan Ibadah Zakat*. Dimuat turun daripada http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0713&pub=kosmo&sec=Varia&pg=Va_02.htm.